



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

JUN 2025



AWAL MUHARAM: HIJRAH AL-RASUL

27 JUN 2025M | 01 MUHARAM 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Hari ini, kita berada di bulan Muharam, bulan pertama dalam kalendar Hijrah. Menjadi kelaziman di negara kita mengingati peristiwa besar hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah pada bulan ini. Ia menjadi titik tolak kebangkitan umat Islam sebagai sebuah masyarakat berdaulat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para Sahabat menjadi permulaan kepada pembinaan negara Islam. Ia bukan sekadar perpindahan fizikal, tetapi juga perubahan cara hidup yang membentuk sebuah tamadun dan



peradaban yang unggul. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berhijrah bukan kerana ketakutan kepada ancaman Musyrikin Quraisy semata-mata, tetapi kerana mematuhi perintah Ilahi demi menegakkan agama Allah Taala dengan lebih luas sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Nisa', ayat 100:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَاجِمًا كَثِيرًا وَسَعَةً ۚ

Yang bermaksud: *“Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah, nescaya dia akan mendapati di muka bumi tempat hijrah yang banyak dan (rezeki) yang luas.”*

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para Sahabat meninggalkan tanah kelahiran, harta, dan keluarga demi menyelamatkan iman dan membina masyarakat Islam yang lebih kukuh di Madinah berasaskan keadilan, ukhuwah, dan perpaduan sejagat.

Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah,

Penghijrahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah bukanlah tindakan tergesa-gesa, sebaliknya ia dilakukan secara sangat terancang dan strategik untuk mengelakkan halangan pihak Quraisy dan demi keselamatan dakwah Islam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam hanya berhijrah setelah menerima wahyu perintah berhijrah dan setelah mendapat jaminan sokongan daripada kaum Ansar di Madinah melalui Bai'ah Aqabah.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga telah memilih Saidina Abu Bakar Radiallahu anhu sebagai pembantu dan teman seperjalanan yang setia, jujur dan sangat dipercayai. Hal ini sangat penting kerana ramai pemimpin jatuh



disebabkan pengkhianatan dalaman oleh orang yang dipercayai atau rapat dengannya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga bertindak dengan bijaksana apabila memilih jalan yang jarang dilalui manusia semasa berhijrah agar tidak dapat dikesan oleh pihak musuh. Di samping itu, baginda juga mendapat sokongan logistik daripada pembantu-pembantu yang dipercayai seperti anak-anak Saidina Abu Bakar iaitu Abdullah dan Asma untuk membekalkan maklumat dan makanan. Amir bin Quhafah iaitu hamba Abu Bakar dan Abdullah bin Uraiqit juga membantu agar perjalanan hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berjalan lancar dan selamat.

Sidang Jumaat yang dihormati,

Perkara utama setibanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di Madinah ialah membina masjid dan mempertautkan hubungan ukhuwah sesama muslimin. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyatukan kaum Muhajirin dan Ansar. Rasulullah mempersaudarakan antara sesama muhajirin yang berhijrah ke Madinah. Seterusnya mempersaudara dan mendamaikan persengketaan yang telah berlaku sekian lama antara kaum Aus dan Khazraj dengan nama Ansar (penolong agama Allah). Setelah itu dipersaudarakan pula antara Muhajirin dan Ansar. Maka bertambahlah kekuatan dan kesepaduan umat Islam Madinah di bawah panji Islam dan kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Semangat ukhuwah kaum Muhajirin dan Ansar yang mantap itu dapat dibuktikan apabila mereka saling berkongsi harta, rumah, dan kasih sayang dalam kalangan mereka. Inilah satu model perpaduan yang tidak pernah berlaku dalam sejarah manusia. Allah Taala memuji mereka yang menunjukkan ukhuwah dan pengorbanan yang tinggi dalam al-Quran, surah al-Hasyr, ayat 9:



وَيُؤْتِرُونَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ

Yang bermaksud: “...Dan mereka mengutamakan (saudara seIslam) atas diri mereka sendiri walaupun mereka juga memerlukan...”

Inilah semangat kasih sayang dan pengorbanan antara saudara seakidah yang menjadi asas kekuatan umat Islam di Madinah. Sebagai contoh, apabila Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mempersaudarakan antara Saad bin al-Rabi’ daripada Ansar dan Abdul Rahman bin ‘Auf daripada Muhajirin. Sa’ad bin al-Rabi’ menawarkan separuh daripada hartanya kepada Abdul Rahman bin Auf. Namun, Abdul Rahman menolak tawaran tersebut dengan penuh adab dan sopan dan hanya menerima sedikit modal perniagaan. Ini menggambarkan pengorbanan luar biasa Sa’ad bin al-Rabi’, yang benar-benar mengutamakan saudaranya melebihi dirinya sendiri.

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memperkukuhkan semangat ukhuwah dan pengorbanan dalam kalangan Sahabat melalui pembinaan iman dan akidah yang mantap. Tarbiyah seperti inilah menjadikan mereka sebagai generasi terbaik. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Yang bermaksud: “Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga dia mencintai saudaranya sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri.”

Hadis ini, menunjukkan bahawa teras pembinaan ukhuwah sejati yang menuntut kasih sayang, keikhlasan, dan keprihatinan sesama Muslim adalah



datang daripada akidah yang sempurna sehingga menjadi generasi Rabbani yang cemerlang.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Pengajaran daripada peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam khutbah hari ini dapatlah disimpulkan bahawa:

1. Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para Sahabat menjadi permulaan kepada pembinaan negara Islam yang berdaulat.
2. Untuk menjayakan misi tersebut, Rasulullah telah membuat persiapan dan strategi yang teliti agar misi tersebut berjaya dan tidak dihalangi musuh. Ini menunjukkan membuat perancangan pengurusan terbaik adalah dituntut oleh syarak.
3. Membina kekuatan ummah melalui semangat ukhuwah Islam dan pengorbanan adalah antara tindakan utama Rasulullah semasa berhijrah ke Madinah.

Peristiwa hijrah mengajar kita bahawa kekuatan akidah Islam, kesatuan ukhuwah dan pengorbanan yang dilakukan dengan bersungguh dan perancangan yang rapi adalah tonggak kekuatan dan kecemerlangan ummah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْثَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.